

16 JUN 2003

Umno-Persiapan (Bergambar)

LEBIH RAMAI DIJANGKA HADIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO

KUALA LUMPUR, 16 Jun (Bernama) -- Perhimpunan Agung Umno ke-57 bermula esok dijangka dihadiri lebih ramai anggota parti sehingga mendorong pengurus tempat persidangan membuat persediaan berlainan sedikit daripada kebiasaan.

Datuk Yaakob Mohammad, Ketua Pegawai Eksekutif Putrade Property Management Sdn Bhd, yang menguruskan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) tempat berlangsungnya perhimpunan selama lima hari itu, berkata bahawa berdasarkan tempahan yang diterima daripada badan perhubungan Umno negeri, beliau menganggarkan 10,000 orang akan hadir.

"Tahun ini, kami akan menyediakan 90,000 pek makanan berbanding kebiasaan sekitar 65,000," katanya semasa memberi taklimat kepada media mengenai persiapan untuk perhimpunan agung itu.

Yaakob berkata anggota-anggota parti tidak mahu ketinggalan untuk datang dan mendengar secara langsung amanat terakhir Datuk Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno sebelum beliau berundur pada Oktober nanti.

"Kami sediakan banyak agar semua yang datang dari seluruh pelusuk negara dapat makan dengan teratur. Kami tidak mahu nanti ada yang datang jauh-jauh tapi makanan tak cukup," katanya.

Yaakob berkata untuk memastikan semua pemerhati dapat mengikuti perjalanan perhimpunan dengan lancar, Dewan Tun Hussein Onn dijadikan sebagai dewan pemerhati.

Sebuah skrin besar disediakan untuk membolehkan mereka mengikuti ucapan dasar Presiden pada 19 Jun nanti.

"Kita juga sediakan televisyen litar tertutup di setiap aras. Tahun lalu kita cuma sediakan di aras-aras tertentu sahaja," katanya.

Yaakob berkata perhimpunan kali ini akan mempamerkan imej baru terutama daripada segi tirai latar pentas, hiasan dan juga gerai-gerai jualan.

"Kita sediakan 450 buah gerai dan kali ini kita adakan gerai dengan permaidani merah, bukan meja macam tahun-tahun sudah," katanya.

Daripada segi kebersihan pula, Yaakob berkata Putrade telah mengambil 80 pekerja untuk memastikan semua kawasan khususnya tandas, dapur dan lobi sentiasa bersih.

"Bagi keselamatan pula kita akan membantu Bahagian Keselamatan Negara dengan menyediakan 85 pegawai," katanya.

Menurut Yaakob, secara keseluruhan sejumlah 580 kakitangan PWTC termasuk pekerja tambahan akan terlibat sepanjang perhimpunan berlangsung.

-- BERNAMA

NM MFJ MAI